

Malaysia digesa tumpukan pembangunan syarikat IT tempatan

UM - 8 SEP 2001

KUALA LUMPUR 7 Sept. — Tokoh-tokoh teknologi maklumat (IT) Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) menggesa Malaysia memberikan tumpuan kepada pembangunan syarikat IT tempatan terutama syarikat kecil dengan membantu mereka sehingga berjaya di peringkat dunia.

Rata-rata mereka berpendapat jika Malaysia ingin mewujudkan sebuah Silicon Valley, tumpuan kepada syarikat-syarikat tempatan itu amat penting kerana ia akan menjadi penyumbang kepada ekonomi negara.

Penasihat Kanan, Pusat Kajian Strategik dan Antarabangsa, Diana Lady Dougan berkata, MSC perlu menjalankan lebih banyak usaha dalam melahirkan syarikat IT tempatan bertaraf dunia dan tidak terlalu tertumpu kepada syarikat-syarikat besar.

"Silicon Valley bukan dibina oleh syarikat-syarikat besar, tetapi daripada pengusaha dan syarikat kecil yang menjalankan aktiviti di belakang rumah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis pelancaran Ekspo MSC-Multimedia Asia 2001 yang disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra, hari ini.

Beliau yang terlibat dalam projek MSC sejak di peringkat perancangan lagi berpendapat masalah kegawatan ekonomi akan menyukarkan lagi perniagaan syarikat-syarikat kecil tersebut.

"Era dotcom yang merudum sekarang misalnya akan menjajikan banyak syarikat Internet kecil dan mereka perlu dibantu sehingga terus berjaya dalam MSC," katanya.

Beliau berkata, budaya perniagaan seperti tidak menganggap kegagalan sebagai satu noktah dan berani mengambil risiko juga perlu diserapkan dalam masyarakat perniagaan di negara ini untuk membolehkan lebih banyak syarikat kecil berjaya.

Seorang lagi ahli IAP, Pengarah Urusan, Cuttler & Company Pty. Ltd., Dr. Terry Cutler juga berpendapat MSC perlu memberi perhatian serius kepada pembangunan syarikat-syarikat kecil tempatan.

Beliau berkata, syarikat-syarikat kecil dan kurang pengalaman perniagaan itu perlu diberi bimbingan dan peluang untuk menunjukkan kemampuan mereka.